# Belanjawan tingkatkan kuasa membeli rakyat

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Belanjawan 2002 sebagai "mesra golongan berpendapatan rendah" ekoran pelbagai cadangan untuk meningkatkan taraf hidup mereka termasuk penyediaan RM5.34 bilion bagi pembangunan luar bandar yang merupakan peruntukan terbesar pernah diberikan.

Untuk melaksanakan projek pembangunan tersebut, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mendapatkan pembiayaan daripada dana institusi kewangan tempatan yang tidak terusik.

"Dia orang tak bagi hutang, oleh itu kerajaan ambillah," katanya sambil memberitahu pembiayaan juga boleh diperoleh daripada dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di lobi Parlimen selepas membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, pada belanjawan kali ini, kerajaan memang memberi tumpuan untuk meningkatkan kuasa beli golongan berpendapatan rendah kerana bilangan mereka yang ramai boleh menyumbang secara berkesan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menerusi jumlah perbelanjaan yang besar.

"Untuk kakitangan kerajaan, walaupun kita memberi bonus setengah bulan gaji tetapi minimum RM1,000 itu hampir menyamai dua bulan gaji mereka, jadi tujuannya ialah memberi lebih kepada golongan berpendapatan rendah.

"Kerajaan juga membelanjakan lebih banyak wang untuk luar bandar dan kami mahu memastikan kontraktor kecil memperoleh lebih banyak pendapatan, kami juga akan melatih pekerja yang diberhentikan supaya mereka dapat bekerja semula. Jadi ada banyak cadangan untuk menaikkan pendapatan golongan berpendapatan rendah,"

■ Lihat muka 4

# Belanjawan tingkatkan kuasa membeli rakyat

katanya.

Ditanya tidakkah berlaku pertentangan jika kerajaan memberikan insentif kepada kakitangan awam sedangkan pada masa yang sama menggesa mereka meningkatkan produktiviti, Perdana Menteri berkata;

"Ini macam soal ayam dan telur, sama ada (kerajaan) patut beri wang dulu atau menggesa mereka meningkatkan produktiviti terlebih dulu.

"Pada pandangan kerajaan, kita patut buat kedua-duanya. Kita gesa mereka meningkatkan produktiviti dan pada masa yang sama, kita juga bagi beberapa insentif," katanya.

Mengenai anggaran 5.5 peratus permintaan dalam negeri mengikut harga semasa tahun depan, menurut beliau, kerajaan seboleh mungkin tidak mahu bergantung kepada sumber luar dan yakin ia dapat dicapai menerusi sumbangan domestik.

"Saya fikir kita boleh melakukannya terutama kini kita memperuntukkan lebih banyak wang untuk diagihkan dan kita harap peruncit dan orang lain akan mendapat manfaat daripada wang yang lebih, kuasa beli kakitangan kerajaan dan golongan berpendapatan rendah yang lain," katanya.

Ditanya kenapa kerajaan menguatkuasakan kenaikan 10 sen seliter harga petrol dan diesel serta-merta esok, Perdana Menteri berkata, ia bertujuan mengelakkan pihak tertentu mengambil kesempatan daripada pengumuman itu.

Mengenai Menteri Kewangan yang baru, Dr. Mahathir memberitahu beliau belum memikirkan untuk melantik sesiapa untuk mengambil alih jawatan itu.

Ditanya sama ada kerajaan akan menurunkan kadar faedah pinjaman, beliau berkata, kadar sekarang adalah sangat rendah iaitu di antara enam dan tujuh peratus.

"Saya fikir orang boleh menjalankan perniagaan pada kadar itu. Jika diturunkan terlalu rendah, peminjam tidak akan membayar pinjaman dan bank tidak akan mempunyai simpanan tetap.

"Kita perlu seimbangkannya supaya orang terus membayar dan daripada simpanan, kita dapat membiayai bermacam-macam perkara," katanya.

Mengulas keputusan kerajaan menaikkan duti import bagi rokok, Perdana Menteri berkata, langkah itu diambil untuk mengurangkan tabiat merokok di kalangan rakyat terutama golongan muda.

"Kenapa saya perlu mesra kepada perokok, mereka menyebabkan saya menjadi perokok pasif, jadi mengapa saya patut berbaik dengan mereka," katanya.

Dr. Mahathir berkata, tindakan itu juga bertujuan menyelamatkan nyawa lebih ramai rakyat daripada barah paru-paru dan tekak.